

TERMA RUJUKAN
LANTIKAN SEBAGAI TENAGA PENGAJAR BAGI PROGRAM GERAKAN NASIONAL
PERTANIAN KONTRAK UNTUK PETANI KLUSTER CILI

1.0 Latar belakang

Pertanian kontrak adalah satu mekanisme untuk membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana bagi memasarkan hasil tanaman mereka. Ini adalah salah satu usaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia seterusnya membantu menambahkan pendapatan petani. Pertanian Kontrak dapat menjamin pendapatan petani dalam meningkatkan pengeluaran hasil tanaman melalui perancangan pengeluaran dan pemasaran bersistematik dengan mengaplikasikan teknologi dalam bekalan rantai pertanian. Ia juga dapat mewujudkan akses pasaran yang lebih meluas kepada petani kecil dalam mengurangkan kebergantungan mereka kepada orang tengah dengan melaksanakan model pertanian kontrak yang betul antara pemain industri dan petani kecil. Bagi memastikan pertanian kontrak ini dilaksanakan di peringkat petani, beberapa petani kluster akan diwujudkan di seluruh Malaysia.

Pada tahun 2020, Nexus Produktiviti Agro-Makanan (AFPN) telah membangunkan satu modul latihan pertanian kontrak melalui pertanian kluster. Program ini akan dilaksanakan bermula Februari 2021 dengan tujuan untuk melahirkan lebih ramai tenaga pengajar yang akan membantu petani melaksanakan pertanian kontrak melalui pertanian kluster. Di bawah program ini, AFPN akan melahirkan seramai 140 individu sebagai pelatih (*farm master*), 420 petani kluster dan sekurang-kurangnya 720 ekar lading kluster seluruh Malaysia.

2.0 Objektif

- a. Untuk melahirkan lebih ramai agroprenuer di kalangan belia dan B40;
- b. Untuk mewujudkan lebih banyak pertanian kluster; dan
- c. Untuk memastikan petani-petani melaksanakan pertanian kontrak.

3.0 Peranan dan tanggungjawab

- i. Membekalkan perkhidmatan sebagai tenaga pengajar berkaitan pertanian kontrak dan pertanian kluster.
- ii. Mengadakan sebanyak 14 siri latihan secara atas talian dan fizikal.
- iii. Melahirkan seramai 140 individu (farm master) yang ditauliahkan sebagai pelatih pertanian kontrak dan kluster.
- iv. Menyediakan slaid/ laporan (jika perlu).

4.0 Cadangan tarikh program

Siri Latihan akan diadakan sebanyak 14 siri secara atas talian dan fizikal (mengikut keperluan dan situasi semasa) seperti maklumat di bawah.

Aktiviti	Feb			Mac			Apr			Mei			Jun		
Sesi latihan (ToT)															

Catatan:

- i. Perincian program
 - Seramai 140 individu (*farm master*) akan dilatih dan ditauliah.
 - Setiap sesi latihan akan disertai oleh sekurang-kurangnya 10 orang peserta.
 - Sesi latihan akan dijalankan selama 3 hari (sesi setengah hari). Dua hari bagi sesi dalam talian dan satu hari bagi sesi fizikal. Latihan dalam talian akan diatur secara berturut-turut.
 - Tarikh akan dijadualkan semula bergantung kepada keadaan semasa.

5.0 Terma bayaran

Jumlah bayaran bagi perkhidmatan yang disediakan adalah RM12,600 termasuk semua cukai yang dikenakan dan juga kerja-kerja sebelum dan selepas program. Bayaran akan dibuat secara berfasa seperti maklumat berikut:

Fasa	Aktiviti	Kos per unit	Jumlah (RM)
1	Perkhidmatan tenaga pengajar bagi melatih <i>farm master</i> (7 siri)	RM300/separuh hari x 3 hari x 7 siri	6,300.00
2	Perkhidmatan tenaga pengajar bagi melatih <i>farm master</i> (7 siri)	RM300/separuh hari x 3 hari x 7 siri	6,300.00
	JUMLAH KESELURUHAN		12,600.00

*Bayaran akan dibuat berdasarkan bilangan sesi latihan sebenar yang diadakan tertakluk kepada keperluan MPC.

5.0 Output yang dikeluarkan

140 individu (*farm master*) dilatih dan ditauliah sebagai pelatih pertanian kontrak dan kluster

6.0 Sekretariat

Nexus Produktiviti Agro-Makanan
Perbadanan Produktiviti Malaysia
afpn@mpc.gov.my